

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA LANGGANAN KHAS  
PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK) (2/2008)**

**TARIKH : 16HB APRIL 2008 (RABU)**  
**MASA : 9.00 PG - 1.00 TENGAHARI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT, BLOK B**  
**PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**Hadir:**

Pn Hajjah Nooraini Ismail	(UIAM)	-	Pengerusi JKPDK
Pn Noorhashimah Aris	(UIAM)	-	Setiausaha I
Pn Ruzita Ramly	(OUM)	-	Setiausaha II
En Ahmad Munawar Mohmad Anuar	(OUM)		
En Hairuladzhar Mohd Hamdi	(UMK)		
Pn Hani Liza Hj Norfin	(UiTM)		
Pn Khairulbahiyah Yakub	(UTM)		
Pn Korina Ibrahim	(UNIMAS)		
En Md Yazid Muji	(UNITEN)		
En Mohammed Ariff Hj Ahmad	(MPOB)		
En Muzaffar Shah Kassim	(UPM)		
Pn Nik Zakiah Nik Abdullah	(MOSTI)		
Pn Norakmal Abd Karim	(UNIMAP)		
Pn Norbaya Muda	(UIAM)		
Pn Nordiah Musa	(UTHM)		
Pn Norulhuda Makhtar	(UDM)		
Pn Rohaya Maliki	(MARDI)		
Cik Rosfadilla Mohamad Zainon	(UMP)		
Pn Rosida Abu Bakar	(UteM)		
Pn Rozana Kamdani	(USIM)		
Pn Shukra Shuib	(UUM)		
Cik Siti Khabshah Masrom	(MMU)		
Pn Sukmawati Muhamad	(USM)		
Cik Sutarmi Kasimun	(UM)		
Cik Ulya Sujak	(UM)		
Pn Wan Kartini Wan Sulaiman	(UPSI)		
Pn Wan Rosnida Wan Mohamad	(UMT)		
En Wan Suhaimi Ariffin	(PPUKM)		
Cik Yafiza Abdul Halim	(UPNM)		
En Zawawi Tiyunin	(UMS)		

**Kata-kata Aluan Pengerusi**

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli JKPDK dan memohon maaf kerana beliau tidak dapat meluangkan masa meneliti Minit Mesyuarat JKPDK 1/2008 kerana baru pulang dari lawatan ke Timur Tengah.

Beliau juga mengambil kesempatan memperkenalkan ahli JKPDK baru iaitu:

Cik Sutarmi Kasimun (UM) menggantikan Pn Zaila Idris  
Pn Sukmawati Muhamad (USM) menggantikan Pn Arinawati Ayob  
Cik Rosfadilla Mohamad Zainon (UMP) menggantikan Pn Nazatul Shima Baroji

## **AGENDA**

### **1. Perkara Berbangkit daripada Minit Mesyuarat JKPDK 1/2008**

#### **Perkara 1: Perkembangan langganan 4 pangkalan data komersil - MOHE 2008**

Pengerusi memaklumkan bahawa semua dokumen yang diperlukan untuk tujuan kelulusan langganan telahpun diserahkan kepada pihak MOHE dan hanya menunggu untuk proses pembayaran. Pengerusi menjelaskan, beliau telah dimaklumkan oleh pihak MOHE bahawa terdapat kelewatan pembayaran disebabkan oleh penstrukturan baru dalam Kementerian selepas pilihanraya. Pembayaran akan dibuat sebaik sahaja proses penstrukturan selesai.

*Tindakan: MAKLUMAN*

#### **Perkara 3: Langganan 2009**

Pengerusi memaklumkan, walaupun empat pangkalan data telah disenarai pendek untuk tujuan langganan 2009, Jawatankuasa akan melihat dan menilai kesesuaian pangkalan data yang akan diperkenalkan pada sebelah petang mesyuarat oleh Access Dunia dan Lexis-Nexis.

*Tindakan: MAKLUMAN*

#### **Perkara 4: Senarai Induk Pangkalan Data (SIPDK)**

- (4.1) Cik Ulya memaklumkan bahawa masih terdapat institusi yang tidak menghantar maklumat yang dikehendaki untuk tujuan pengemaskinian pangkalan data. En Yazid (Uniten) meminta senarai status penghantaran maklumat diedarkan kepada semua ahli agar institusi yang masih tidak membuat pengemaskinian dapat mengambil tindakan sewajarnya.

*Tindakan: SEMUA AHLI PERPUN*

- (4.2) Mesyuarat dimaklumkan bahawa Cik Sutarmi Kasimun secara rasmi dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa SIPDK menggantikan Pn Zaila Idris.

*Tindakan: MAKLUMAN*

- (4.4) Mesyuarat dimaklumkan bahawa kini terdapat lebihkurang 22,919 rekod di dalam pangkalan data MYULIST. Dimaklumkan juga bahawa garis panduan penggunaan MYULIST masih belum dapat dikeluarkan kerana pangkalan data MYULIST sedang dalam proses 'upgrading'. Merujuk kepada bengkel yang dicadangkan semasa Mesyuarat MYULIST pada 23 Februari 2008, cadangan telah dibuat untuk mengadakan pada bulan Jun 2008 di Lembah Kelang dan bukan di Cherating, untuk menjimatkan kos. Pustakawan dari bahagian sistem dan perolehan digalakkan menghadiri bengkel ini.

**Tindakan: UMP & MAKLUMAN**

#### **Perkara 5: Tawaran harga langganan Blackwell Synergy Package yang amat tinggi**

En Muzaffar (UPM) telah memaklumkan bahawa Wiley telahpun mengambil alih Blackwell Synergy dan bukan lagi di bawah Access Dunia. Cik Siti Khabshah (MMU) pula memaklumkan bahawa pihak MMU mendapat tawaran yang baik daripada Wiley bagi langganan Blackwell berdasarkan kadar FTE (full-time equivalent) MMU. Beliau juga telah menjelaskan bahawa pihak Wiley telah memaklumkan tidak akan melantik Access Dunia sebagai agen untuk Blackwell Synergy, malah akan membukanya kepada pembekal lain.

Pengerusi mengingatkan semua ahli untuk mengambil tindakan bijak dalam pembelian pangkalan data dan memberi peluang untuk memilih pembekal lain serta tidak terikat dengan hanya satu pembekal seperti Access Dunia yang memonopoli langganan. Bagi langganan Blackwell Synergy Package, saranan diberi agar berunding secara terus dengan pihak Wiley untuk mendapatkan harga yang lebih berpatutan.

**Tindakan: MAKLUMAN**

#### **Perkara 6: Statistik penggunaan beberapa pangkalan data**

Pengerusi telah meminta satu jawatankuasa kecil ditubuhkan untuk menangani masalah ini. Ahli yang dilantik ialah:

En Md Yazid Muji	(UNITEN)
Cik Siti Khabshah Masrom	(MMU)
Pn Korina Ibrahim	(UNIMAS)
Pn Sukmawati Muhamad	(USM)
En Zawawi Tiyunin	(UMS)

Jawatankuasa akan membuat 'benchmarking' dan mewujudkan 'standard' yang diperlukan untuk menilai prestasi pangkalan data yang bercirikan statistik.

**Tindakan: AHLI YANG DILANTIK**

## **Perkara 7: Pembaharuan langganan Science Direct**

Pengerusi memaklumkan bahawa cadangan langganan Science Direct akan dimajukan kepada pihak MOHE sebagai pilihan untuk langganan 2009. Walau bagaimanapun kelulusan adalah bergantung kepada kelulusan belanjawan pihak MOHE.

*Tindakan: MAKLUMAN*

## **Perkara 8.2**

Pn Noorhashimah (UIAM) memaklumkan tarikh mesyuarat seperti berikut:

Mesyuarat JKPDK 1/2008	9 Januari 2008
Mesyuarat JKPDK 2/2008	16 April 2008
Mesyuarat JKPDK 3/2008	16 Julai 2008
Mesyuarat JKPDK 4/2008	15 Oktober 2008

Pn Noorhashimah meminta semua ahli untuk melapangkan jadual pada tarikh-tarikh tersebut untuk kelancaran mesyuarat.

*Tindakan: MAKLUMAN*

## **2. Bengkel ROI**

Pengerusi memaklumkan bahawa proposal ringkas Bengkel ROI telahpun dibentangkan di Mesyuarat PERPUN pada 31 Mac 2008. Mesyuarat tersebut walaubagaimanapun tidak mempersetujui lokasi yang dipilih iaitu Pulau Langkawi kerana melibatkan kos yang agak tinggi dari segi pengangkutan (kapal terbang). Pengerusi PERPUN menyarankan bengkel tersebut diadakan di Lembah Kelang untuk menjimatkan kos.

Proposal akan disemak semula terutamanya dari segi kos perbelanjaan dan tarikh. Perbincangan akan dibuat oleh Pengerusi dengan Timbalan Pengerusi PERPUN, En Amir Hussain Md Ishak (Ketua Pustakawan, UPM), untuk mendapatkan tajaan dari pihak pembekal pangkalan data bagi mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh institusi yang menghantar peserta.

Cadangan diterima dari Pn Korina (UNIMAS) untuk mengadakan bengkel pada tarikh yang sama dengan Mesyuarat JKPDK 3/2008 pada 16 Julai 2008. Ini dapat menjimatkan kos bagi ahli yang datang dari luar Lembah Kelang. Pengerusi juga mencadangkan untuk mengadakan sesi 'demo' pangkalan data oleh pembekal selepas Mesyuarat sebagaimana yang dilakukan pada Mesyuarat JKPDK 2/2008. Cadangan telah diterima oleh mesyuarat.

Walaupun ROI melibatkan pengiraan kos aktiviti perpustakaan secara keseluruhan, Bengkel ROI yang dicadangkan akan difokuskan lebih kepada perolehan, juga perkhidmatan. Oleh itu, selain daripada ahli JKPDK yang akan menjadi peserta, pihak institusi boleh menghantar seorang lagi pustakawan dari bahagian perkhidmatan pelanggan untuk menghadiri bengkel.

*Tindakan: MAKLUMAN*

### **3. Isu-isu langganan PDK - MOHE**

#### **3.1 Garispanduan penilaian prestasi pembekal**

Pengerusi telah meminta satu jawatankuasa kecil ditubuhkan untuk menangani isu ini. Ahli yang dilantik ialah:

En Muzaffar Shah Kassim	(UPM)
Pn Wan Kartini Wan Sulaiman	(UPSI)
Pn Lela Ruzma Mohd Shaari	(UKM)
Pn Khairulbahiyah Yakub	(UTM)
En Ahmad Munawar Mohmad Anuar	(OUM)

Jawatankuasa akan membuat 'benchmarking' dan mewujudkan garispanduan yang diperlukan untuk menilai prestasi pembekal. Institusi yang telahpun memula atau menjalankan proses ini diminta membantu jawatankuasa dari segi perkongsian maklumat dan pengalaman.

***Tindakan: AHLI YANG DILANTIK***

#### **3.2 Isu pembaharuan langganan/lesen perjanjian Elsevier**

Pn Korina memaklumkan bahawa beliau masih belum dapat membaharui langganan Science Direct disebabkan oleh masalah dari segi tuturbahasa proposal dan 'license agreement' yang banyak menggunakan 'legal jargon'. Pengerusi meminta semua ahli untuk merujuk kepada 'legal advisor' sebelum membuat pembaharuan bagi menangani masalah dalam perjanjian sebelum dan selepas langganan.

***Tindakan: MAKLUMAN***

#### **3.3 Kelewatan pembayaran langganan PDK-MOHE (Isu pembiayaan pembayaran langganan sebelum "On-Trial" Jan-Feb 2008)**

Pn Korina memaklumkan mesyuarat bahawa beliau telah menerima panggilan daripada pihak Ebsco menyuarakan kebimbangan berhubung dengan langganan MOHE untuk pangkalan data ProQuest. Ini adalah berkaitan dengan kelewatan pihak MOHE membuat pembayaran bagi langganan 2008.

Pn Noorhashimah memaklumkan bahawa perjanjian langganan yang ditandatangani dan dipersetujui antara pihak MOHE dan semua pembekal menyatakan pembayaran akan bermula dari bulan Mac 2008 hingga Februari 2009. Ini bermakna bayaran bagi bulan Januari dan Februari 2008 yang tidak termasuk di dalam perjanjian perlulah dijelaskan oleh pihak institusi masing-masing. Beliau juga menerangkan bahawa tidak dinyatakan di dalam perjanjian bahawa Januari dan Februari adalah bulan untuk 'On-Trial'. Sebaliknya, 'On-Trial' sebenar adalah pada bulan Mac 2008.

Ahli jawatankuasa diminta untuk tidak membuat sebarang pembayaran kepada mana-mana pembekal berhubung dengan empat pangkalan data yang dilanggan oleh MOHE. Jika diminta, sila rujuk pembekal kepada Pengerusi JKPDK.

Pengerusi akan meminta jasa baik pihak MOHE untuk memberi surat jaminan langganan untuk diedarkan kepada pembekal dan ahli PERPUN bagi mengurangkan kebimbangan semua pihak.

**Tindakan: MAKLUMAN**

#### **4. Perkara-perkara berbangkit**

##### **4.1 Langganan Ebsco**

Pn Korina mengambil perhatian ahli untuk lebih berhati-hati dalam melanggan Business Source Complete (BSC) kerana terdapat perbezaan jumlah tajuk terutamanya 'embargo title' yang terdapat di dalam Business Source Premier (BSP). Walaupun BSC dikatakan 'complete' tetapi semakan yang teliti perlu dilakukan bagi mengelak kerugian dalam kos langganan.

Pengerusi meminta institusi yang masih boleh mengakses BSP untuk menyemak tajuk terkini di bawah Taylor & Francis dan menghantarkan senarai tersebut kepada pihak JKPDK. Pihak Ebsco juga akan dihubungi untuk mendapatkan maklumat semua pangkalan data yang disenaraikan dan boleh diakses di bawah Ebsco.

Berkaitan dengan langganan dengan MOHE, Pengerusi memaklumkan bahawa pangkalan data di bawah Ebsco yang dilanggan ialah Academic Source Premier. Pengerusi juga memaklumkan bahawa suatu perjumpaan bersama keempat-empat pembekal akan diadakan sebelum pembaharuan langganan dibuat untuk tahun 2009 bagi mengelak sebarang kekeliruan.

**Tindakan: MAKLUMAN**

##### **4.2 Langganan MOHE 2009**

Pn Noorhashimah telah mengedarkan proposal pangkalan data Emerald bagi tahun 2009-2018 untuk semakan ahli. Mesyuarat dimaklumkan bahawa jumlah tajuk jurnal di dalam Emerald telah meningkat dari 95 tajuk ke 175 tajuk.

Proposal telah menyenaraikan harga konsortium dengan peningkatan sebanyak 10% setiap tahun. Jadual yang disediakan oleh Emerald memberi maklumat harga langganan bagi setiap institusi (RM182,000) dan untuk 24 institusi secara berkumpulan (RM4.3 juta). Kos ini tidak menyatakan keuntungan di pihak PERPUN kerana tiada diskaun yang diberi untuk langganan berkumpulan. Pihak Emerald akan dihubungi untuk mendapatkan kadar harga yang lebih baik.

**Tindakan: PERPUN**

## 5. Hal-hal lain

- 5.1 Pengerusi menyuarakan hasrat beliau untuk melantik seorang Timbalan Pengerusi bagi membantu beliau melancarkan aktiviti JKPDK. Ini kerana beliau sering sibuk dengan tugas beliau sebagai Ketua Pustakawan, Perpustakaan UIAM dan amat memerlukan bantuan agar perjalanan JKPDK tidak terganggu. Mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik Pn Korina Ibrahim dari UNIMAS sebagai Timbalan Pengerusi.

**Tindakan: MAKLUMAN**

- 5.2 Pn Shukra (UUM) mengajukan persoalan berkaitan dengan 'usage report' yang perlu diserahkan kepada MOHE. Pn Noorhashimah menerangkan bahawa pembekal akan menghantar satu salinan laporan kepada setiap institusi dan satu salinan kepada Perpustakaan UIAM (JKPDK). Pihak JKPDK akan mengumpul semua laporan dan menghantarnya kepada pihak MOHE sebanyak dua (2) kali setahun. Sekiranya pihak institusi tidak menerima laporan, sila rujuk semula dengan pihak pembekal. En Muzaffar menerangkan bahawa data 'usage' akan dianalisa berdasarkan kos bagi setiap sesi (session), pencarian (search) dan teks penuh (full-text).

**Tindakan: MAKLUMAN**

- 5.3 Bagi aktiviti JKPDK untuk tahun 2008, Pn Hani Liza (UiTM) memaklumkan bahawa sebelum ini, aktiviti yang dirancang adalah mengadakan satu (1) bengkel dan satu (1) seminar setiap tahun. Untuk tahun 2008, Bengkel ROI telahpun dirancang dan akan diadakan pada bulan Julai 2008. Untuk seminar, Pengerusi meminta ahli memikirkan bersama tema yang sesuai dan menghantar kertaskerja untuk tujuan pembentangan semasa seminar. Sebanyak 2 kertaskerja diperlukan dan beberapa pembentangan berkaitan statistik penggunaan pangkalan data. Institusi yang telah dipilih untuk membuat pembentangan penggunaan pangkalan data ialah seperti berikut:

Blackwell Synergy	(UMT)
Ebrary	(OUM)
Ebsco	(UIAM)
Emerald	(UUM)
IEEE	(UNITEN)
Lexis-Nexis	(UKM)
Ovid	(HUKM)
ProQuest	(UPM)
ScienceDirect	(UM)
Springer e-Books	(UTM)
Springer e-Journals	(UTHM)

**Tindakan: INSTITUSI YANG DIPILIH**

- 5.4 Pengerusi memaklumkan bahawa penerbitan 'booklet' JKPDK sedang dalam proses. 'Booklet' ini mengandungi sejarah latarbelakang dan objektif penubuhan JKPDK, aktiviti yang dijalankan, ahli-ahli dan jawatankuasa kecil

yang ditubuhkan. Menurut Pengerusi, 'booklet' ini akan menjadi panduan kepada pengganti beliau di masa akan datang. Diharapkan ia akan memudahkan kesinambungan aktiviti JKPDK dan mengelak daripada sebarang keraguan dan kerumitan dalam peralihan tanggungjawab. 'Booklet' ini juga akan menyediakan 'work flow' bagi setiap aktiviti untuk kemudahan rujukan.

***Tindakan: JKPDK***

## **6. Penangguhan Mesyuarat**

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.